

Amalan Guru Hafazan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab

Mardhiah binti Yahaya
mardhiah@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Dr. Zetty Nurzuliana binti Rashed
zetty@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai amalan guru hafazan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab (UA) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini melibatkan 62 orang guru yang terdiri dari MRSM Kota Putra, Gemenceh dan Kepala Batas. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif yang berdasarkan pendekatan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik dan kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences 22.0* (SPSS 22.0). Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan guru hafazan dalam pengajaran dan pembelajaran berada dalam tahap sederhana tinggi. Pengetahuan dan kemahiran guru perlu dipertingkatkan agar dapat membantu ke arah keberkesanan kurikulum tahfiz yang lebih mantap selari dan seiring dengan pencapaian akademik yang lain. Seterusnya merealisasikan matlamat dan objektif Program Ulul Albab. Penambahbaikan dan pelaksanaan yang mengikut keperluan semasa dan jangka masa panjang pelajar amat diperlukan agar para huffaz yang bakal lahir berkualiti tinggi demi memenuhi keperluan dan peranannya kepada masyarakat dan negara.

Kata kunci : al-Quran, huffaz, tahfidz, KBT, TMUA

The Practice of Memorization Teachers in Teaching and Learning in MARA Junior Science College (MRSM) Ulul Albab

ABSTRACT

This study intends to evaluate the practice of memorization teachers in MARA Junior Science College (MRSM) Ulul Albab (UA) in teaching and learning (PdP). A number of 62 teachers involve in this study who are from MRSM Kota Putra, Gemenceh and Kepala Batas. This is a descriptive study based on quantitative approach using questionnaires as instruments which is then analyzed using *Statistical Package for the Social Sciences 22.0* (SPSS 22.0). Results of the study show that the practice of memorization teachers in teaching and learning are at moderate high level. Teachers' knowledge and skills need to be increased so as to help toward the efficacy

of memorizing (*tahfiz*) curriculum to become parallel and in line with other academic achievement. Furthermore towards the realization of the aim and objective of Ulul Albab program. Improvement and implementation that follow the requirement of students are deemed necessary in order to produce high quality memorizers (*huffaz*) for the sake of fulfilling the need and role to society and the country.

Keywords : al-Quran, huffaz, tahfidz, KBT, TMUA

Received: 10 June 2018

Accepted: 28 June 2018

Online Published: 30 June 2018

PENDAHULUAN

Al-Quran ialah kalam Allah s.w.t yang menjadi kitab rujukan dalam perundangan Islam dan sumber rujukan segala ilmu pengetahuan. Ia merupakan kitab suci yang menjadi sumber inspirasi kepada pembangunan tamadun manusia sejagat yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Selari dalam arus globalisasi kini, pembelajaran al-Quran secara hafalan mampu menjadi pemangkin ke arah membentuk minda manusia yang bakal melahirkan generasi yang hafiz, berpengetahuan luas, pendakwah dan sekaligus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran. (Marzuqi, 2008)

Secara umumnya, pendidikan selalu dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu ilmu dan juga penerapan nilai. Dalam bentuknya yang praktikal, hasil pendidikan tersebut seharusnya dapat melahirkan modal insan yang mampu mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari seterusnya memanfaatkan kemahiran yang dimiliki dalam kehidupan seharian.

Demi merealisasikan objektif dasar pendidikan di Malaysia, pelbagai usaha telah dilakukan demi mengarusperdanakan pendidikan di Malaysia. Antaranya termasuklah pendidikan tahfiz yang mana kini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengiktiraf dan melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Namun, sebelum KPM menubuhkan sekolah pendidikan tahfiz pada tahun 2014, MARA telah mendahului mewujudkan sekolah pendidikan tahfiz ini pada tahun 2010.

Pelbagai modul telah dirangka bagi melicinkan lagi sistem pendidikan di sekolah tersebut. Pelbagai usaha telah dikerah bagi membentuk dan membina satu sistem pendidikan yang berteraskan al-Quran (Mardhiah, 2017). Meskipun perkembangan sekolah tahfiz di Malaysia ini berkembang dengan pesatnya, namun kurikulumnya masih berada di tahap lama tanpa sebarang bentuk penambahbaikan. Di dalam kajian Azmil Hashim (2010), dinyatakan bahawa walaupun penilaian impak menggambarkan keperluan dan matlamat pendidikan tahfiz hampir tercapai, namun penilaian keberkesanan menggambarkan bahawa objektif pendidikan tahfiz dan kualiti pencapaian tahfiz masih berada pada tahap sederhana. Ia turut di sokong dalam dapatan kajian Mardhiah (2017) perlaksanaan program tahfiz di MRSM UA belum memenuhi matlamat dan objektif yang sedia ada bahawa masih terdapat ramai pelajar yang tidak berjaya khatam sehingga tempoh tamat pengajian.

MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENDIDIKAN TAHFIZ AL-QURAN (PROGRAM ULUL ALBAB)

MARA telah meletakkan matlamat kepada program UA untuk melahirkan generasi al-Quran yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara serta melahirkan pelajar-pelajar yang berlatar sains dan tahfiz al-Quran yang dapat memenuhi syarat untuk memenuhi pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di mana-mana universiti tersohor di seluruh dunia (Modul Quranik, 2011).

Manakala objektif program UA pula ialah yang pertama, melahirkan generasi al-Quran yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab serta menguasai kemahiran-kemahiran insaniah dan akademik serta dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Kedua, Melahirkan pelajar-pelajar yang berlatar belakangkan sains dan tahfiz al-Quran yang menguasai kemahiran-kemahiran *soft skill* supaya dapat memenuhi syarat untuk mengikuti pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di mana-mana universiti yang tersohor di seluruh dunia. Manakala yang ketiga, melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menghafaz Al-Quran 30 juzuk dalam tempoh 3 tahun pengajian di MRSM dan membina budaya saintifik al-Quran dengan pendekatan *Information and Communications Technology (ICT)*.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam subjek hafazan di MRSM UA. Amalan guru adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan kemahiran guru di dalam kelas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu menerusi reka bentuk deskriptif. Pengumpulan data dilakukan melalui instrumen soal selidik terhadap guru-guru yang mengajar subjek hafazan di 3 buah MRSM Program UA iaitu Kota Putra, Gemencheh dan Kepala Batas seramai 62 orang. Tiga kumpulan guru ini telah di pilih sebagai responden kerana ketiga-tiga institusi ini merupakan institusi terawal dalam penubuhan pendidikan tahfiz di bawah MARA. Bilangan saiz sampel guru ditentukan berdasarkan perkiraan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan Sekaran (1992). Penyelidik menggunakan Skala Likert Lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian. Skala Likert adalah skala yang sesuai untuk mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan perspektif dan sikap (Cohen, Manion, & Morrison, 2000).

Responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu nombor dari satu hingga lima berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut. Skala persetujuan jenis

Likert, iaitu Sangat Tidak Setuju (STS) diberi skot (1) hingga kepada Sangat Setuju (SS) yang diberi skot (5). Interpretasi terhadap nombor-nombor dan skala-skala seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1

Skala Likert Lima Mata dan Interpretasi dalam Komponen Penilaian Konteks, Input dan Proses

Skala	Penilaian Konteks, Input, Proses
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Sumber: Ubahsuai dari Azmil Hashim (2010)

KESAHAN DAN KEBOLAHANPERCAYAAN INSTRUMEN

Nilai alpha berasaskan *Koeffisien Cronbach* telah digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan nilai ketekalan dalam item-item instrumen. Ini berdasarkan bahawa soal selidik yang digunakan adalah dari jenis skala Likert lima mata yang merupakan data selangar.

Nilai pekali alpha yang menghampiri 1 menunjukkan item-item dalam skala itu mengukur perkara yang sama dan nilai ini menunjukkan mempunyai nilai kepercayaan yang tinggi. Umumnya, ramai penyelidik mencadangkan bahawa nilai alpha yang melebihi 0.80 menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu instrumen kajian (Azmil, 2010).

Namun begitu, bagi Najib (1999), nilai pekali alpha 0.6 juga sudah memadai bagi soal selidik Sains Sosial seperti kajian dalam bidang Pendidikan. Hasil analisis dari kajian rintis penyelidik menunjukkan Nilai *Alpha Cronbach* bagi instrumen guru nilai pekali *Alpha Cronbach* ialah 0.755 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa instrumen yang dibina adalah sah dan boleh dipercayai seterusnya boleh digunakan untuk kajian seterusnya.

Jadual 2

Dapatan Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach

Bil	Item	Nilai alpha
1.	Soal selidik pelajar	0.786
2.	Soal selidik guru	0.755

Pengesahan Pakar

Soal selidik dibina dengan melibatkan beberapa langkah supaya soal selidik ini mempunyai kandungan dan kesahan yang boleh dipercayai dan mudah difahami oleh responden untuk menjawab. Selesai pembinaan soal selidik, pakar penilai mengesahkan kandungan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Satu borang kesahan muka di bina. Skala persetujuan pakar adalah di antara satu hingga lima dan dinilai berdasarkan purata persetujuan. Pakar penilai ini terdiri daripada pensyarah universiti sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Segala pandangan dan cadangan daripada panel pakar diambil untuk penambahbaikan instrumen soal selidik.

Jadual 3

Senarai Panel Pakar Kesahan Kandungan Item Soal Selidik dan Tahap Persetujuan Item Soal Selidik

Bil	Nama	Wakil	Jawatan dan Kelayakkan	Kepakaran	Purata Persetujuan
1.	Pakar A	Fakulti Pendidikan, UKM	Prof, Dr	Pendidikan Islam, nilai, Pedagogi, penyelidikan hafazan.	95% Sangat Setuju
2.	Pakar B	Fakulti Pendidikan, UKM	Prof. Madya, Dr	Pendidikan Islam, Bahasa Arab, Falsafah Pendidikan	95% Sangat Setuju
3.	Pakar C	Fakulti Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, USIM	Pensyarah Kanan, Dr	Bidang al-Quran dan hafazan	95% Sangat Setuju

Analisis Data Instrumen

Proses penganalisan data instrumen ini dilakukan secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences 22.0* (SPSS) bertujuan mentafsirkan dapatan kajian. Min, sisihan piawai dan peratusan digunakan dalam statistik deskriptif yang bertujuan untuk meringkaskan dan memperjelaskan sifat pemboleh ubah yang nyata dengan lebih terperinci. Jadual interpretasi min tingkah laku afektif yang telah dirumuskan oleh Nunally (1978). Kajian oleh Ahmad (2006), Narasimhan, Talluri, dan Mahapatra (2006), Zawawi (2008), Azmil Hashim (2010) juga digunakan dalam kajian mereka. Interpretasi min terdapat dalam Jadual 4.

Jadual 4

Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif

Skor min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

Sumber: Stufflebeam (1971)

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Guru

Dapatan latar belakang guru di MRSM Ulul Albab meliputi jantina, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar subjek hafazan, kelayakkan akademik, kelayakkan ikhtisas dan kelayakkan lain. Dapatan kajian ini dapat dilihat dalam Jadual 5. Daripada 62 orang guru yang mengajar 38 orang (61.2%) adalah lelaki dan 24 orang (38.7%) adalah perempuan. Ini menunjukkan guru lelaki mendominasi jumlah guru tahfiz yang melaksanakan program UA di MRSM UA.

Dari aspek pengalaman mengajar, 11 orang (17.7%) yang berpengalaman mengajar sekitar 1-3 tahun, 18 orang (29%) 3-5 tahun, 33 orang (53.2%) 5-7 tahun dan tiada guru yang berpengalaman mengajar 8-10 tahun. Secara umumnya, sebahagian besar guru-guru MRSM UA ini berpengalaman mengajar sekitar 5-7 tahun. Manakala pengalaman mengajar tahfiz pula, 12 orang (19.35%) 1-3 tahun, 21 orang (33.87%) 3-5 tahun, 29 orang (46.77%) 5-7 tahun dan tiada guru yang berpengalaman mengajar 8-10 tahun. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti guru yang mengajar subjek hafazan di MRSM UA ini terdiri daripada guru yang mempunyai pengalaman mengajar sekitar 3-7 tahun iaitu 80.6%.

Dari aspek kelayakkan akademik pula, seramai 18 orang (29%) dalam bidang syariah, 13 orang (25.81%) bidang usul tafsir, 7 orang (11.29%) bidang pendidikan Agama Islam, 3 orang (4.84%) bidang usuluddin, 3 orang (4.84%) bidang al-Quran dan al-Sunnah dan 18 orang (29.03%) bidang qira'at. Manakala dari aspek kelayakkan ikhtisas pula, seramai 50 orang (80.65%) yang mempunyai DPLI dan 12 orang (19.35%) tiada kelayakkan ikhtisas.

Dari aspek kelayakkan tahfiz, seramai 37 orang (59.68%) guru dalam bidang tahfiz dan 25 orang (40.32%) bukan dalam bidang tahfiz. Manakala yang mendapat latihan dalam bidang hafazan pula seramai 20 orang (32.26%) sahaja yang mendapat latihan manakala 42 orang (67.74%) lagi tidak mendapat latihan dalam bidang hafazan.

Jadual 5

Latar Belakang Guru MRSM Ulul Albab

Item		Kekerapan	Peratusan %
Jantina	Lelaki	38	61.3

	Perempuan	24	38.7
Pengalaman mengajar	1-3	11	17.4
	3-5	18	29
	5-7	33	53.2
	8-10	0	0
Pengalaman mengajar subjek hafazan	1-3	12	19.3
	3-5	21	33.8
	5-7	29	46.7
	8-10	0	0
Kelayakkan akademik	Syariah	18	29
	Ulul Tafsir	13	25.8
	Pendidikan (Ijazah)	7	11.2
	Usluddin	3	4.8
	Al-Quran dan Al-Sunnah	3	4.8
	Qira'at	18	29
Kelayakkan Ikhtisas	DPLI	50	80.6
	Tiada	12	19.3
Kelayakkan dalam bidang hafazan	Tahfiz	37	59.6
	Tiada	25	40.3
Latihan bidang hafazan	Ada	20	67.7
	Tiada	42	32.2

Pengetahuan Guru

Jadual 6 menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi pengetahuan guru dalam amalan pengajaran dan pembelajaran. Terdapat empat item bagi pengetahuan guru mendapat interpretasi min pada tahap tinggi, dua ítem mendapat interpretasi sederhana tinggi dan satu ítem mendapat interpretasi sederhana rendah.

Pengetahuan guru dalam berusaha memperbaiki cara pengajaran di dalam kelas, mencari kursus dalam membantu PdP, membuat kelas *tasmi*^c dan *murajaah* tambahan serta memberi semangat, perangsang dan motivasi kepada pelajar berada dalam keadaan yang sangat baik. Ini terbukti dalam dapatan kajian yang mana masing-masing berada dalam min tahap interpretasi tinggi. Data ini turut disokong dan disempurnakan dengan data temu bual yang menunjukkan bahawa guru sangat berusaha memperbaiki tahap pengetahuan agar pelajar lebih berminat dan seterusnya untuk menjadikan PdP mencapai matlamat yang diharapkan.

Bagi dapatan data instrumen item guru memberi semangat, perangsang dan motivasi kepada pelajar selari dengan dapatan kajian Jemali dan Ahmad Sadadi (2003) dengan menegaskan bahawa terdapat hubungan yang tinggi di antara kaedah motivasi dan kaedah strategi dengan pencapaian tahfiz al-Quran. Azmil Hasim dan Ab. Halim (2012) pula menjelaskan bahawa motivasi yang tinggi dapat membantu dalam pencapaian al-Quran kerana hubungan yang signifikan di antara motivasi yang tinggi dengan pencapaian al-Quran.

Selain itu juga, guru juga didapati kurang melakukan ujian tahriri sebagai penilaian kepada pelajar dengan dapatan kajian min yang berada pada tahap sederhana rendah. Data ini disokong dengan data temu bual guru yang menunjukkan bahawa guru amat jarang melakukan ujian tahriri kepada pelajar memandangkan tiada arahan dari mana-mana pihak atasan. Memandangkan masa yang terlalu singkat amat payah untuk mencari masa terluang pelajar untuk melakukan ujian tahriri. Berbeza dengan ujian syafawi di mana guru sangat mengambil berat terhadap ujian syafawi yang mana telah dilakukan setiap bulan dan ini juga telah dibuktikan dalam dapatan data instrumen kajian yang mencatatkan interpretasi sederhana tinggi. Walaupun terdapat kekangan yang menghalang proses ini berlaku, hal ini tidak boleh dipandang remeh oleh pihak yang melaksanakan Program UA ini kerana tahriri merupakan salah satu kaedah yang terdapat di dalam kandungan MQ. Tanpa ujian tahriri ini, program UA tidak akan dapat melihat keberkesanan dari kaedah yang di bentuk di dalam MQ untuk dinilai. Ini menyokong kepada dapatan kajian Azmil Hashim (2010) menjelaskan bahawa penulisan juga merupakan salah satu cara untuk mengukuhkan hafazan. Ini bermaksud bukan hanya ujian syafawi sahaja malah ujian tahriri juga mampu membantu dan seterusnya menilai tahap pencapaian hafazan pelajar.

Zohar, Degani dan Vaakin (2001) dalam kajiannya menyatakan pengetahuan dan kemahiran guru adalah faktor kritikal dan menjadi pemangkin dalam proses pelaksanaan perubahan kurikulum. Ini termasuklah aspek pengurusan bilik darjah dalam erti kata lain, pengetahuan guru sangat penting untuk memastikan perancangan program-program pendidikan mampu ke arah objektif.

Jadual 6

Pengetahuan Guru dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz

Pengetahuan Guru	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Selalu menghadiri kursus	4 6.5%	4 6.5%	17 27.4%	21 33.9%	16 25.8%	3.66	1.30	Sederhana Tinggi
Berusaha baiki cara pengajaran di dalam kelas	2 3.2%	1 1.6%	5 8.1%	29 46.8%	25 40.5%	4.19	0.90	Tinggi
Memberi semangat, perangsang dan motivasi kepada pelajar	0 0%	0 0%	2 3.2%	20 32.3%	40 64.5%	4.61	0.55	Tinggi

Membuat ujian <i>syafawi</i> (hujung bulan)	6 9.7%	11 17.7%	21 33.9%	18 29%	6 9.7%	3.11	1.11	Sederhana Tinggi
Membuat ujian tahriri (hujung bulan)	8 12.9%	15 24.2%	22 35.5%	12 19.4%	5 8.1%	2.85	1.12	Sederhana Rendah
Mencari kursus untuk membantu mutu PdP	0 0%	0 0%	8 12.9%	29 46.8%	25 40.3%	4.27	0.68	Tinggi
Membuat kelas <i>tasmi^c</i> dan <i>murajaah</i> tambahan (bantu pelajar)	0 0%	0 0%	6 9.7%	28 45.2%	28 45.2%	4.35	0.65	Tinggi
Min keseluruhan						3.86	0.90	Sederhana Tinggi

Kemahiran Guru

Jadual 7 menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi kemahiran guru dalam amalan pengajaran dan pembelajaran. Terdapat satu sahaja item mencatatkan interpretasi min tahap tinggi iaitu item merancang target untuk pelajar (min=4.37, sp=0.63) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju 94.1%. Manakala item-item yang mencatatkan interpretasi sederhana tinggi ialah lima item.

Hasil analisis yang dijalankan mendapati, guru-guru sangat menitik beratkan perancangan target hafazan untuk pelajar dan memastikan pelajar di *tasmi^c* setiap hari. Ini di sahkan dari data instrumen yang menunjukkan bahawa min yang diperolehi dalam tahap interpretasi tinggi dan sederhana tinggi.

Namun dalam mempelbagaikan kaedah PdP di dalam kelas hafazan kurang di beri perhatian oleh guru. Walaupun terdapat kekangan masa yang terhad diberikan kepada guru, kemahiran untuk mengendalikan kelas dengan lebih baik harus diambil tindakan oleh guru. Guru-guru seharusnya lebih bertindak lebih agresif dengan memperbanyakkan lagi kaedah dalam PdP seiring dengan zaman kecanggihan teknologi sekarang. Ini telah terbukti di dalam kajian kajian Rahim (2008) bahawa guru berkeyakinan penggunaan teknologi membantu dalam meningkatkan mutu hafazan al-Quran. Azmil (2010) di dalam kajiannya menegaskan bahawa dengan kepelbagaian kaedah dalam PdP di dalam kelas ia akan lebih menarik, pendengaran pelajar akan mudah terangsang dan memudahkan pengajaran guru. Selain itu juga, kepentingan kepelbagaian ini dapat mengekalkan ingatan yang lebih lama dan merasakan keseronokan serta mengelakkan rasa jemu seperti yg ditegaskan oleh Salleh (2004).

Data dapatan kajian turut membuktikan guru mewajibkan pelajar *murajaah* hafazan setiap hari di dalam kelas telah mencatatkan tahap interpretasi sederhana tinggi. Dalam teori al-Ahwānī, al-Qābisī, dan Saḥnūn (1955) ada menjelaskan bahawa *takrar* merupakan salah satu dari empat kaedah menghafaz al-quran. *Al-Takrar* iaitu latih tubi dan pengulangan yang menuntut kepada

para pelajar supaya berterusan mengulangi ayat yang dilafazkan supaya tidak hilang daripada ingatan. Latih tubi ini merupakan kaedah menghafaz, memelihara hafazan dan menguatkan ingatan hafazan (Ahwani, 1955). Ini membuktikan kaedah hafazan sangat penting dalam setiap kurikulum pendidikan tahfiz.

Selain itu juga, guru juga bersetuju mengambil tindakan mendenda pelajar kepada yang tidak mencapai target dalam hafazan setiap bulan. Ini di dibuktikan dari dapatan data instrumen kajian ini yang mencatatkan tahap interpretasi sederhana tinggi. Model PdP berkesan Fenstermacher dan Richardson (2005) telah meletakkan empat aspek pendorong dalam keberkesanan PdP. Salah satu darinya ialah psikologi, di mana guru yang berjaya menggunakan psikologikal dalam memberikan motivasi, galakan, ganjaran, hukuman dan penerapan nilai ketika sesi PdP. Justeru hukuman merupakan antara salah satu cara yang dipersetujui oleh meraka dalam menjadikan PdP berkesan.

Jadual 7

Kemahiran Guru dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz

Kemahiran guru	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Masa yang lama untuk menunggu pelajar di <i>tasmi</i> ^c	5 8.1%	8 12.9%	23 37.1%	20 3.3%	6 9.7%	3.23	1.06	Sederhana Tinggi
Merancang target untuk pelajar	0 0%	1 1.6%	2 3.2%	32 51.5%	27 43.5%	4.37	0.63	Tinggi
Mewajibkan pelajar untuk <i>muraja</i> ^c <i>ah</i>	1 1.6%	3 4.8%	16 25.8%	18 29%	24 38.7%	3.98	1.00	Sederhana Tinggi
Mendenda pelajar (tidak capai target)	0 0%	3 4.8%	15 24.2%	26 41.9%	18 29%	3.95	0.85	Sederhana Tinggi
Pelajar <i>tasmi</i> ^c setiap hari	2 3.2%	1 1.6%	13 21%	29 46.8%	17 27.4%	3.94	0.92	Sederhana Tinggi
Pelajar <i>muraja</i> ^c <i>ah</i> hafazan bersama guru/rakan di dalam kelas	4 6.5%	5 8.1%	23 37.1%	14 22.6%	16 25.8%	3.53	1.15	Sederhana Tinggi
Min keseluruhan						3.84	0.94	Sederhana Tinggi

Dapatan analisis ini menunjukkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru di MRSM UA yang mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi terhadap pengetahuan dan kemahiran guru (min=3.85. sp=0.92). Ini menunjukkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas dalam melaksanakan Program UA dalam tahap yang baik. Secara umumnya

berdasarkan dapatan penilaian dari pengetahuan dan kemahiran guru perlu di perbaiki dari beberapa aspek pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada kepada lebih bersistematik dan teratur untuk memudahkan proses PdP berjalan dengan lebih lancar dan para pelajar dapat menerima penyampaian dari guru dengan baik. Ini dapat dilihat pada Jadual 8.

Jadual 8

Rumusan Penilaian

Penilaian Proses	Min	S.P	Interpretasi
Pengetahuan	3.86	0.90	Sederhana Tinggi
Kemahiran	3.84	0.94	Sederhana Tinggi
Min keseluruhan	3.85	0.92	Sederhana Tinggi

PERBINCANGAN

Latar Belakang, Pengetahuan dan Kemahiran Guru

1) Berdasarkan dapatan latar belakang guru di MRSM UA menunjukkan bahawa guru mempunyai kelayakkan dalam bidang akademik namun masih terdapat kekurangan yang perlu dipertingkatkan terutama dari aspek latihan dalam bidang hafazan. Begitu juga dari aspek kelayakkan tahfiz. Walaupun jumlahnya tinggi berbanding dengan guru yang tiada kelayakkan tahfiz, namun keutamaan kelayakkan guru merupakan perkara yang amat penting dalam melahirkan pelajar yang mahir dalam sesuatu bidang walaupun pengalaman mengajar guru rata-rata 3-7 tahun. Hal ini disebabkan pengajaran tahfiz berbeza dengan pengajaran subjek pendidikan Islam serta pengalaman mereka yang dalam bidang tahfiz ini berbeza dengan mereka yang tiada pengalaman. Gabungan kelayakkan akademik, kelayakkan ikhtisas, aspek pengalaman dan latihan dalam bidang hafazan akan dapat menentukan kejayaan dan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di MRSM UA.

2) Berdasarkan kajian mendapati bahawa pengetahuan guru berada dalam tahap sederhana dan perlu kepada agar pengetahuan guru dalam bidang al-Quran lebih baik dan sempurna di dalam PdP. Ini amat penting kerana al-Quran merupakan kalam suci Allah yang perlu dipelihara. Al-Quran bukan sahaja di hafaz malah di jaga pembacaannya dari segi tajwid dan makhrajnya dan penulisannya. Proses pembelajaran amat berkait rapat dengan pengetahuan dan kemahiran guru dan juga merupakan aspek asas yang dilihat sebagai faktor utama kepada pencapaian pendidikan yang berkualiti bagi melahirkan pelajar yang cemerlang (Asmawati & Rahman, 2007 ;Habib 2007).

3) Guru perlu meningkatkan kemahiran dalam mempelbagaikan aktiviti di dalam kelas juga. Gabung jalin pengajaran dan pembelajaran tradisional dan moden lebih menjadikan PdP lebih menarik dan menggalakkan pelajar agar bersemangat dalam menjalani proses menghafaz al-

Quran. ini kerana di dalam kajian Marzuqi (2008) menyetakan bahawa masih ramai guru-guru hafazan di sekolah tahfiz masih menggunakan kaedah tradisional walaupun mereka bersetuju dengan berkeyakinan penggunaan teknologi membantu dalam meningkatkan mutu hafazan al-Quran.

RUMUSAN

Hasil usaha dari sikap positif guru untuk sentiasa menambah pengetahuan dan kemahiran di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini pastinya akan membantu ke arah keberkesanan kurikulum tahfiz yang lebih mantap selari dan seiring dengan pencapaian akademik yang lain. Sikap ini sangat penting kerana aliran tahfiz sangat luas dalam pendidikan kini. Sekolah yang beraliran tahfiz semakin banyak ditubuhkan umpama cendawan yang tumbuh selepas hujan. Justeru peningkatan dari segi pengetahuan dan kemahiran guru amat diperlukan bagi memartabatkan aliran tahfiz ini sekaligus kemuliaan al-Quran akan lebih terjaga dan terpelihara.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Ahmad, A. (2006). *Strategi pembelajaran dan pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Azmil Hashim (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri*. (Tesis Doktor Falsafah Pendidikan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Azmil Hashim dan Ab. Halim Tamuri (2012). Perspektif Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 1-10.

Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer.

Jemali, M., & Ahmad Sadadi, H. (2003). *Hubungan antara kaedah Menghafaz Al-Quran dengan pencapaian kursus Tahfiz WA Al-Qira'at pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz Wal Qira'at di Perak*. Kertas kerja dibentang di Seminar Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia, Melaka.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

Mardhiah Yahaya (2017). *Penilaian Program Tahfiz Ullul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA* (Tesis Sarjana Pendidikan). Universiti Pendidikan Sultan Idris .

Muhammad Marzuqi Abd. Rahim. 2008. Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan al-Quran : Satu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Modul Quranik. (2011). Bahagian Pendidikan Menengah. MARA.

Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Narasimhan, R., Talluri, S., & Mahapatra, S. K. (2006). Multiproduct, multicriteria model for supplier selection with product life-cycle considerations. *Decision Sciences*, 37(4), 577-603. doi:10.1111/j.1540- 5414.2006.00139.x

Nunally, J. C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.

Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. New York: John Wiley.

Zawawi, I. (2008). *Penilaian pelaksanaan kurikulum kemahiran bertutur bahasa arab komunikasi di sekolah menengah kebangsaan agama* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Zohar, A., Degani, A., & Vaakin, E. (2001). Teachers' belief about low achievement students and higher order thinking. *Teaching and Teacher Education*, 17, 469-486.

TENTANG PENULIS

Mardhiah bintiYahaya merupakan pensyarah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dalam Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di bawah Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Mempunyai kelayakkan Ijazah Sarjana dalam bidang Pendidikan Islam dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kepakaran dalam bidang Penilaian Pendidikan Tahfiz.

Zetty Nurzuliana Rashed merupakan pensyarah kanan Jabatan Asas Kemanusiaan dan Perkaedahan. Mempunyai kelayakan Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran dalam bidang Pedagogi Pengajaran dan Penyelidikan Kualitatif dalam bidang Pendidikan Islam.